

13/11/1998

Pilihan raya PBT tidak akan diadakan

reports on "Dewan Rakyat" by Jamhariah Jaafar; Salina Abdullah
KUALA LUMPUR, Khamis - Pilihan raya pihak berkuasa tempatan tidak akan diadakan bagi memastikan semua program pembangunan untuk masyarakat setempat dapat dijalankan secara menyeluruh.

Ini kerana pilihan raya itu akan hanya mewujudkan politik antara kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan sehingga peruntukan tidak dapat disalurkan bagi kepentingan masyarakat.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azmi Khalid, berkata keengganan kerajaan membenarkan pilihan raya itu dijalankan juga kerana tidak mahu ada bandar yang diwujudkan mengikut kaum tertentu.

"Adalah tidak benar seperti dakwaan pembangkang bahawa keengganan kerajaan mengadakan pilihan raya peringkat ini melambangkan kerajaan tidak melaksanakan sistem demokrasi sepenuhnya.

"Pada masa ini, banyak negeri mengalami defisit dalam belanjawan, begitu juga pihak berkuasa tempatan menyebabkan mereka masih bergantung kepada kerajaan negeri atau kerajaan Persekutuan.

"Kalau begini keadaannya, bagaimana mereka akan mendapatkan bantuan jika wujud perbezaan fahaman politik antara ketiga-tiga peringkat ini? Cukuplah dengan pilihan raya di dua peringkat saja (Persekutuan dan negeri)," katanya ketika menggulung perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1999 peringkat jawatankuasa bagi kementeriannya, di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab pertanyaan beberapa Ahli Parlimen DAP yang mahukan pilihan raya dijalankan di peringkat pihak berkuasa tempatan atas alasan bagi menyediakan perkhidmatan lebih berkesan kepada rakyat.

Azmi mengingatkan bahawa kebersihan dan pembangunan sesebuah bandar bukanlah ditentukan pemilih, sebaliknya kuasa kerajaan yang memerintah.

Memberi contoh masalah kekotoran yang berlaku di Persiaran Gurney Pulau Pinang tidak lama dulu sehingga Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggelarkannya sebagai 'Rubbish bin of The East' (Tong Sampah Timur), Azmi berkata:

"Salah satu faktor kegagalan pihak berkuasa tempatan memastikan kebersihan di kawasan itu adalah kerana khuatir kehilangan undi daripada penaja jika menghalau mereka kerana penaja terbabit adalah penyokong kuat politik.

"Ini menunjukkan bandar tidak akan bersih walaupun kerana pemilih. Adakah kerana pemilih ini kita hendak mengorbankan kebersihan? Hanya selepas Perdana Menteri iaitu kerajaan Persekutuan campur tangan, keadaan di sana berubah," katanya.

Beliau berkata, pembangkang juga tidak boleh menjadikan masalah di sesebuah bandar sebagai bukti ketidakberkesanan pentadbiran pihak berkuasa tempatan di seluruh negara.

"Setakat ini, kaedah yang digunakan bagi pemilihan ahli majlis pihak berkuasa tempatan tidak menimbulkan apa-apa masalah. Banyak bandar dapat berjalan dengan baik. Malah, Majlis Perbandaran Kuantan baru-baru ini menerima piawaian ISO 9000," katanya.

ISO 9000 adalah piawaian antarabangsa bagi pengurusan yang berkesan.

Selain itu, Azmi berkata lanskap pada masa akan datang akan dibuat berlandaskan konsep 'berfungsi', yang mana setiap lanskap bukan setakat untuk ditonton, malah boleh digunakan untuk menyejukkan alam dan untuk orang ramai melakukan kegiatan riadah.

Mengenai projek perumahan terbengkalai, beliau berkata sehingga akhir 1997, sebanyak 43 projek yang dibangunkan swasta terbengkalai dan kerajaan

melaksanakan langkah pemulihan serta kawalan bagi menangani perkara itu.

Antara lain, katanya, langkah pemulihan itu memastikan projek perumahan itu diteruskan oleh pemaaju lain selepas rundingan dijalankan antara pemaaju, pembeli dan syarikat kewangan terbabit.

Mengenai pelaksanaan pembinaan rumah kos rendah secara penswastaaan, beliau berkata sistem yang sudah dijalankan lebih 20 tahun lalu berjaya mencapai pembinaan yang lebih baik berbanding kerajaan.

(END)